

kampus

PARA peserta yang menerima bantuan permulaan perniagaan bergambar bersama Idris Jusoh (tengah) sempena Majlis Penganugerahan Autonomi dan Aspirasi Universiti-Industri-Masyarakat di UMP kampus Pekan, Pahang baru-baru ini.



SENARAI PROGRAM KEMAHIRAN & KEUSAHAWANAN:

- Kursus Kulineri (Masakan TMalaysia)
- Kursus Penyelenggaraan Automotif
- Kursus Membaiki Enjin Bot
- Kursus Membaiki Telefon Bimbit
- Kursus Tatarias Kecantikan
- Kursus Penjagaan Selepas Bersalin
- Kursus Dandan dan Spa Rambut
- Kursus Pendawaian Elektrik
- Kursus Jahitan dan Rekaan Fesyen
- Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)
- Kursus Peningkatan dan Lanjutan (E&C)

SENARAI PROGRAM KEMAHIRAN AKADEMIK:

- Kelas Tambahan 100 jam
- Program Guru Pakar
- Program Motivasi Pelajar dan Ibu Bapa
- Program Sains, Matematik dan Teknologi
- Program Mencatat Nota Secara Efektif
- Program Super Camp
- Program Kem Pendidikan
- Program Selangkah ke Universiti
- Program Study Corner

AHMAD KHAIRUL IZZAT SALMAN berjaya mendapat keputusan 10A dalam peperiksaan PT3 hasil kejayaan mengikuti program ECER UMP.



Empower ECER UMP lahirkan usahawan baharu

PADA 29 November lalu, seramai sepuluh peserta daripada Program empower ECER Mahkota telah menerima bantuan *Start Up Business* dalam bentuk kelengkapan dan peralatan perniagaan.

Bantuan ini telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam Majlis Penganugerahan Autonomi dan Aspirasi Universiti-Industri-Masyarakat yang telah berlangsung di UMP kampus Pekan.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP Prof. Datuk Dr. Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim.

Ketua Pegawai Eksekutif ECER, Datuk Seri Jebasingam Issace John berkata, sejak program ini dijalankan, banyak impak positif dapat dilihat dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat melalui Program Latihan Kemahiran &

Keusahawanan yang telah disediakan untuk belia, ibu tunggal dan komuniti setempat.

Empower ECER Mahkota telah bermula sejak 2011. Program ini dikendalikan secara bersama antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) UMP. Secara dasarnya, program ini menjurus ke arah pembangunan akademik bagi anak-anak serta peningkatan pendapatan bagi golongan belia, ibu tunggal individu yang tidak berpendapatan tetap di daerah Pekan, Kuantan dan Bera.

Program kemahiran dan keusahawanan menjurus kepada membantu peserta agar dapat menjana pendapatan tambahan bagi menampung keperluan perbelanjaan yang semakin meningkat. Program ini dapat menjadikan peserta lebih berkikir dan mampu untuk mengubah nasib keluarga yang hidup dalam serba kekurangan.

Sekaligus meningkatkan jumlah pendapatan isi rumah kepada satu aras yang lebih baik. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menghasilkan beberapa ramai usahawan yang berjaya terutama dari kalangan Bumiputera.

Seorang peserta, **Harnini Fazleen**, 30, berkata, Program ECER banyak membantu saya dalam perniagaan.

"Sejak mengikuti program ini, saya dapat menguruskan perniagaan dengan lebih baik dan mampu menjana pendapatan sehingga RM4,400 berbanding RM 1,500 sebelumnya.

"Saya berharap program ini diteruskan dan dapat mengikuti lagi program-program selepas ini," katanya.

Bagi **Siti Noratikah**, 27, pula berkata, pelangan yang yakin dengan kebolehan dia membaiki telefon bimbit dan semua usaha ini berbaloi selepas berjaya menamatkan latihan.

Katanya, UMP dan ECER banyak membantu dan mengikuti perkembangan peserta, selain menyediakan keperluan peralatan.

Peserta bidang jahitan, **Norziyana Abdullah**, 45, telah lama meminati bidang jahitan namun tidak berpeluang untuk menghadiri kelas kerana kadar



HARNINI FAZLEEN berbangga dengan kejayaan perniagaannya hasil tunjuk ajar ECER UMP.

bayaran kursus yang tinggi tetapi program ECER membantu merealisasikan hasratnya.

"Hasil dari ilmu yang saya pelajari, banyak tempahan jahitan baju kurung, baju kurung pahang, tudung diterima dan berharap dapat menghasilkan pelbagai fesyen pakaian atas jenama sendiri," katanya.

Pengurus Projek Empower ECER Mahkota, **Zainal Bahari** berkata, hanya peserta yang mempunyai komitmen tinggi sepanjang latihan dijalankan menunjukkan potensi pertumbuhan yang memberangsangkan.

Katanya, dengan bantuan yang diberikan ECER, para peserta dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan pendapatan disamping memujakan lagi perniagaan ke peringkat tinggi.

Program kemahiran akademik pula dijalankan bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan teknik dan kemahiran belajar yang lebih efektif disamping mendidik serta membina keperibadian pelajar agar mempunyai sahsiah dan disiplin yang tinggi.

Program yang bermula sejak 2011 lagi, telah mempunyai seramai 7,568 peserta. Peserta ini terdiri daripada sekolah-sekolah terpilih disekitar daerah Kuantan, Pekan dan Bera.